

Kes gangguan seksual 2015 meningkat

» Jumlah sebenar lebih tinggi kerana mangsa malu buat aduan

Oleh Sophia Ahmad dan Wan Noor Hayati Wan Alias
bhn-ivs@bh.com.my

Putrajaya

Sebanyak 230 kes gangguan seksual dilaporkan sepanjang tahun lalu berbanding 190 kes pada 2014.

Jumlah peningkatan kes direkodkan ialah 40 kes, tetapi ia disifatkan serius oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil kira kes berkenaan amat sukar didedahkan oleh mangsa.

Pengarah Bahagian Bimbingan dan Kaunseling KPWKM, Dr Raja Kamariah Raja Mohd Khalid (**gambar**), memberitahu BH, pihaknya percaya jumlah mangsa yang tidak membuat aduan lebih ramai daripada itu kerana menganggap ia sesuatu yang memalukan apabila didedahkan atau tidak 'perasan' mereka sebenarnya menjadi mangsa.



hak mereka tidak dilindungi dan lebih teruk ia akan melarat kepada masalah lain, termasuk serangan seksual yang lebih parah.

Faktor enggan buat laporan

"Antara faktor yang menyebabkan mangsa enggan tampil melaporkan gangguan ialah bimbang diperlekehkan, menyalahkan diri, kehilangan kawan, ketiadaan bukti kukuh dan juga yang paling utama siapa yang mahu menyokongnya selepas itu.

Katanya, mangsa yang memiliki personaliti lemah, tiada ketegasan memberi peluang kepada pemangsa mengambil kesempatan kerana mangsa enggan

INFO

Bentuk Tingkah Laku mengikut Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja 1999

BH
19/3/16 m/s 18

(Kod amalan berkenaan menyebut sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal)

1

Ditepuk



2

Dicum



3

Dipeluk



4

Dicubit



5

Disentuh bahagian tubuh yang sulit



6

Terima panggilan berunsur seks



7

Ditenung, dilirik pandangan berunsur lucah



8

Terima surat berunsur seks



9

Dipaksa secara lisan atau fizikal melakukan hubungan seks

10

Diberi isyarat berunsur seks

Tiga saluran khas aduan

Katanya, rekod berkenaan diperolehi menerusi kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan kementerian yang menyediakan tiga saluran khas iaitu mywanita.gov.my, talian kasih 15999 dan pusat se-henti di KPWKM, di sini.

Beliau berkata, sebahagian kes yang dilaporkan itu berlaku di pejabat awam atau swasta dan sebahagian kecil di dalam pengangkutan awam.

"Kebanyakan mangsa mengenali pengganggu seksual di pejabat atau penyerang seksual di dalam pengangkutan awam," katanya.

Beliau berkata, di negara ini, golongan wanita biasanya masih malu dan 'memandang remeh' kes gangguan seksual menyebabkan

tan kerana yakin mangsa takut tampil melaporkan perbuatannya.

"Semua pengganggu memiliki sifat manipulatif iaitu nampak bagus secara luaran, sudah berkahwin kerana mudah menafikan perbuatannya dengan status diri sebagai suami orang dan personaliti introvert (suka buat hal sendiri)," katanya.

"Bagaimanapun terdapat beberapa perkara kes terpencil lelaki menjadi mangsa gangguan seksual kerana melihat rakan sepejabat memintal rambut, membasahkan bibir dan juga membetulkan seluarnya," katanya.



Ikuti BH Plus

di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video

11 Ditegur dengan kata-kata berunsur seks mengenai fizikal

12 Didedah dengan perkataan atau bahan berunsur seks

13 Dengar perbualan berunsur seks

14 Gurau senda menggunakan bahasa lucah

15 Kiasan seks

16 Berdiri atau duduk rapat sehingga tidak selesa

17 Dijanjikan hadiah, markah prestasi kerja, kenaikan pangkat jika terima pelawaan seks

18 Ditegur berbau manis, wangi

19 Diberi layanan berbeza kerana wanita

20 Dipaksa menerima jemputan sosial